





[GENERAL](#)

Sukarelawan gotong-royong bersihkan sungai

28 April 2021

Disediakan Oleh: Nor Salwana Mohd. Idris, Unit Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor (PNC)

KUANTAN, 27 Mac 2021 – Menyedari kepentingan kelestarian sungai, Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Jabatan Alam sekitar (JAS) Negeri Pahang mengadakan pelbagai usaha pemulihan dan penjagaan kebersihan sungai.

Baru-baru ini, seramai 25 staf UMP yang diketuai oleh Ketua Program (Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Tenaga dan Persekitaran), Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA), Dr. Nadzirah Mohd Mokhtar menyertai Program Denai Sungai Kebangsaan bersempena Hari Air Sedunia 2021.

Program ini merupakan aktiviti kesukarelawan anjuran Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) serta bersama rakan strategik lain.

Penyertaan turut melibatkan seramai 75 sukarelawan termasuk daripada UMP, Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang dan pihak NGO dalam aktiviti kesukarelawan membersihkan Sungai Balok Kuantan.

Program yang bermula seawal jam 8.00 pagi itu telah dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Beserah, Yang Berhormat Tuan Haji Andansura Rabu.

Turut hadir Pengarah JAS Negeri Pahang, Tuan Haji Mohd Sani Mat Daud.

Menurut Andansura Rabu, Sungai Balok merupakan aliran terakhir bagi industri di Gebeng termasuk industri berat dan kimia namun kualiti sungainya terus terpelihara sedangkan kebiasaan sungai dalam kawasan industri berat akan tercemar dan usaha untuk memulihara menjadi lebih sukar.

Sementara itu menurut Tuan Haji Mohd Sani Mat Daud, Denai Sungai Kebangsaan merupakan salah satu strategi tindakan pencegahan pencemaran melalui pendekatan kawalan penyelesaian secara *nature-based*.

"Penganjuran program sebegini diharapkan semua pihak yang terlibat dapat menghayati dan memahami kepentingan alam sekitar untuk generasi akan datang.

"Penglibatan pihak industri juga amatlah dihargai. Dalam memajukan industri dalam negara, penjagaan alam sekitar perlu dititikberatkan untuk kesejahteraan hidup di masa akan datang," katanya.

Dr. Nadzirah Mohd Mokhtar pula berkata, selaras dengan slogan (*tagline*) UMP, Teknologi untuk Masyarakat, universiti ini akan sentiasa menyokong apa juga program dalam memastikan alam sekitar dijaga terutama dalam berganding bahu untuk memastikan kualiti air berkekalan dalam keadaan yang baik.

"Selain itu juga, universiti sentiasa berusaha membawa teknologi baharu dan bersama industri dan

komuniti dalam memastikan kelestarian alam sekitar,” ujarnya.

Semua peserta telah diberi taklimat ringkas dan nasihat dalam memastikan keselamatan sebelum aktiviti gotong-royong Denai Sungai bermula.

Selain itu, turut diadakan aktiviti Demonstrasi Pengunaan Alat Pengukuran Air (YSI), aktiviti River Cruise Bakau dan balingan *MudBall*.

Program ini juga turut meyokong kempen pengumpulan *e-Waste* yang menggalakkan peserta membawa bahan buangan (*household e-Waste*) untuk diasing dan dikumpulkan.

TAGS / KEYWORDS

[GOTONG ROYONG](#)